


16 - 30 APRIL, 2026

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Hospital Pulau Pinang

## ketiga terbaik negara




**DR. Goh Hin Kwang menunjukkan sijil pengiktirafan yang diterima HPP baru-baru ini.**

**HOSPITAL Pulau Pinang (HPP)** bukan lagi sekadar nama, ia kini menjadi simbol kepakaran dan dedikasi dalam dunia perubatan di utara Semenanjung apabila baru-baru ini menerima pengiktirafan membanggakan sebagai hospital awam ketiga terbaik di Malaysia oleh majalah antarabangsa, *Newsweek* untuk tahun 2026, sekali gus melonjak dari kedudukan keenam pada tahun sebelumnya.

Kejayaan ini bukan sekadar nombor atau *ranking* tetapi ia pengiktirafan terhadap kerja keras pasukan HPP yang telah berkhidmat untuk rakyat selama lebih dua abad.

Menurut Pengarah HPP, **DR. GOH HIN KWANG**, HPP pernah menjadi 'hospital utama Malaysia' sebelum tahun 1970-an, dan kini beliau ingin mengembalikan kegemilangan itu dengan satu visi jelas iaitu *'Make HPP Great Again'*.

"HPP ditubuhkan pada 1811, bangunan asal di sebuah hotel dekat pusat bandar sebelum berpindah ke sini tahun 1854.

"Walaupun beberapa fasiliti di HPP agak usang dan bilik konsultasi sempit, pihak pengurusan HPP tidak berhenti meningkatkan perkhidmatan.

"Dengan projek naik taraf yang sedang dijalankan, saya percaya ia akan mengurangkan masalah yang dihadapi kini serba sedikit," ujarnya ketika ditemu bual oleh wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di pejabatnya pada 11 Mac 2026.

Difahamkan, projek naik taraf yang sedang dijalankan kini termasuk pembangunan tiga blok baharu iaitu Blok Ibu dan Kanak-kanak yang bakal menempatkan 400 pakar, serta 500 ruang parkir tambahan bagi meningkatkan keselesaan pesakit serta kakitangan.

"Inilah cara kita menyeimbangkan sejarah dan permodenan, fasiliti di sini mungkin agak usang, tetapi kepakaran kita kekal relevan," jelasnya yang sudah 16 tahun terlibat dalam pentadbiran hospital.

### Lebih 250 pakar perubatan dan subkepakaran

Hin Kwang menyatakan bahawa HPP bukan sahaja unik dari segi lokasinya, tetapi juga kepakaran yang ditawarkan.

"Dari sebuah hospital kecil pada zaman kolonial, ia berkembang menjadi pusat rujukan utama bagi pelbagai kepakaran perubatan, dari jantung hingga perubatan genetik.

"Kita ada kepakaran perubatan genetik yang hanya terdapat di utara, malah HPP terkenal dengan rawatan jantung sehingga pesakit dari Sabah dan Sarawak turut datang untuk pembedahan di sini.

"Hospital ini mempunyai lebih 250 pakar yang merangkumi pelbagai bidang perubatan dan subkepakaran, ia sesuatu yang sukar ditemui di hospital awam berskala kecil.

"Tidak terkecuali, ada hospital swasta juga merujuk pesakit ke HPP mungkin kerana kekurangan kepakaran atau melibatkan masalah kewangan pesakit," ulasnya lanjut.

Tambah Hin Kwang, dengan lebih 490,000 pesakit setahun, bersamaan 2,400 pesakit sehari di klinik pakar, HPP menunjukkan kapasiti dan ketekunan yang luar biasa.

"Cabaran sumber manusia tetap ada, tetapi ia adalah isu global, bukan hanya masalah HPP, hospital swasta juga berdepan masalah sama dan saya percaya Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyusun strategi berdepan masalah ini," katanya.

### Aspirasi masa depan

Bercakap mengenai aspirasi masa depan, bagi Hin Kwang, pencapaian yang diterima ini hanyalah permulaan.

"Stigma terhadap hospital kerajaan harus diperbetulkan.

"Masa menunggu dan keselesaan mungkin berbeza, tetapi kepakaran dan mutu rawatan tetap setanding, bahkan unggul dalam beberapa bidang.

"Oleh itu, selepas kembali berkhidmat, saya mengambil inisiatif menambah kemudahan, seperti penempatan *vending machine* tambahan bagi memastikan pengalaman menunggu lebih selesa," ujarnya.

*(Sambungan di muka 2).*

# Pasembur diiktiraf bukti kejayaan warisan negeri

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri pada Januari 2026 telah meluluskan Warta Perisytiharan Negeri bagi 10 makanan tradisional dan enam item warisan kebudayaan tidak ketara untuk diisytiharkan sebagai Warisan Negeri, termasuk pasembur.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata pengiktirafan itu bukan sahaja memberi penghormatan kepada pengusaha tempatan, malah memastikan makanan tradisional tempatan terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi turut memuji *Gani Famous Pasembur* sebagai contoh kejayaan perniagaan makanan warisan Pulau Pinang.

"*Gani Famous Pasembur* merupakan antara contoh kejayaan perniagaan makanan warisan negeri yang kini diwarisi generasi ketiga, membuktikan komitmen tinggi dalam mengekalkan keaslian serta kualiti makanan tradisi yang menjadi kebanggaan kita," jelas beliau semasa berucap pada Majlis Bantuan Hari Raya Aidilfitri dan Majlis Berbuka Puasa Gani Famous Pasembur Tahun 2026 di sini pada 12 Mac lalu.



**KETUA Menteri menyantuni dan menyampaikan duit raya kepada tetamu yang hadir pada Majlis Bantuan Hari Raya Aidilfitri dan Majlis Berbuka Puasa Gani Famous Pasembur Tahun 2026 di sini baru-baru ini.**

Selain itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan memuji usaha pihak *Gani Famous Pasembur* menyampaikan bantuan Aidilfitri kepada 250 asnaf serta lima pusat tahfiz sekitar daerah Timur Laut dan Barat Daya.

"Saya percaya sumbangan bantuan seperti ini bukan sahaja meringankan beban penerima menjelang Aidilfitri, malah memberi kegembiraan dan harapan untuk menyambut Syawal dengan lebih sempurna," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memaklumkan bahawa sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, Pulau Pinang kini dihubungkan dengan 36 laluan penerbangan antarabangsa secara terus, sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai destinasi pelancongan utama serantau.

Pengarah Urusan Gani Famous Pasembur, Jamil Kader Gani turut berucap sebelum itu.

Turut hadir, Presiden Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (MAMSB), Dato' Seri Jajakhan Kader Gani; Presiden Liga Muslim Pulau Pinang, Dato' Seri Haja Najmudeen Kader; Timbalan Presiden Liga Muslim Pulau Pinang, Dato' Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed; Penaung Persatuan Kebajikan Warisan Lebuh Tamil, Azmin Seeni Mohamed; dan Pengerusi Persatuan Kebajikan Warisan Lebuh Tamil, Mohamed Asri Seeni Mohamed.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Ikon kesihatan yang membanggakan

Beliau juga menekankan kepentingan kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), wakil rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam memperkasa perkhidmatan di HPP.

"Semua pihak ini memainkan peranan penting dalam menjadikan hospital lebih efisien, mesra pesakit dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana mewujudkan perkhidmatan bas ulang-alik percuma, CAT Hospital baru-baru ini yang dilihat memberi kemudahan kepada pelawat HPP.

Dari sejarahnya yang lebih dua abad, kepakaran yang tiada tandingan, Him Kwang memberitahu bahawa HPP kini berdiri dengan bangga sebagai simbol kecemerlangan perubatan di utara Semenanjung.

"Dengan rancangan naik taraf yang sedang dijalankan dan visi pemulihan kegemilangan masa lalu, HPP dilihat telah membuktikan bahawa hospital kerajaan juga mampu menjadi ikon kesihatan yang membanggakan.

"*Newsweek* menilai hospital berdasarkan keberkesanan rawatan kepada pesakit serta pandangan pesakit luar negara dan warganegara mengenai perkhidmatan sesebuah hospital itu sendiri.

"Dari segi pemarkahan, turut meningkat, untuk tahun 2025 HPP mencatat 70.44 peratus, manakala tahun 2026 meningkat kepada 72.33 peratus.

"Semua penilaian dilakukan tanpa pengetahuan pihak hospital, yang mana sebuah badan bebas antarabangsa (dikenali sebagai *Statista*) yang menjalankan kajian itu sendiri," jelasnya.

Sebagai rekod, dalam ranking keseluruhan *Newsweek* termasuk hospital swasta, HPP berada di tempat ke-29 daripada 50 hospital terbaik Malaysia pada tahun 2026.

**HPP kini merupakan hospital awam ketiga terbaik dalam negara.**



# Cakna kebajikan penduduk lokal



ANTARA penduduk yang tidak mahu melepaskan peluang merakam gambar kenang-kenangan bersama-sama Ketua Menteri yang diiringi oleh Mohd. Hafiz Aswad Nadzri (bersongkok) selepas menyampaikan sumbangan khas di sini.



KETUA Menteri membonceng motosikal menyantuni penduduk di sekitar kariah Masjid Jamek Padang Menora dekat sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERMATANG BERANGAN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyertai konvoi bermotosikal bagi menyantuni serta menyampaikan bantuan kepada golongan memerlukan di sekitar kariah Masjid Jamek Padang Menora, Tasek Gelugor.

Program anjuran Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Komunikasi ini merupakan edisi keenam dan terakhir bagi siri jelajah mendekati masyarakat tempatan sempena sambutan bulan Ramadan tahun ini.

Turut menyertai konvoi ialah Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri; Penghulu Tertinggi Daerah SPU, Mohd. Yusof Hamid; serta Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Jamek Padang Menora, Abdul Malik Ghazali.

Semasa berucap, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi, Tanah dan Komunikasi menzahirkan rasa syukur kerana berpeluang menyertai aktiviti santai bersama anak kariah sebelum majlis berbuka puasa bermula.

"Saya berharap Pegawai Daerah SPU yang turut berada di sini sentiasa mengambil tahu dan prihatin terhadap apa juga isu serta kebajikan rakyat di kawasan ini.

"Sebagai ketua pentadbiran dan pengerusi Majlis Tindakan Daerah, adalah penting untuk memastikan semua agensi terlibat memberikan perhatian sepenuhnya kepada keperluan setempat," ujarnya dalam ucapan pada majlis berkaitan pada 15 Mac lalu.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan turut menggesa agensi kerajaan agar lebih proaktif dalam menangani aduan rakyat.

"Mana-mana agensi berkaitan perlu mengambil langkah penyelesaian secara pantas dan berhemah apabila timbul sesuatu isu pada peringkat akar umbi," tambah beliau.



SEMPAT menyantuni penduduk lokal pada Majlis Iftar Bersama Komuniti Lokal.

Dalam majlis sama, Ketua Menteri mengumumkan peruntukan berjumlah RM50,000 bagi Masjid Padang Menora untuk menangani gangguan bekalan tenaga elektrik yang tidak mencukupi, isu yang sebelum ini dibangkitkan oleh Abdul Malik.

Terdahulu, seramai 10 penerima terpilih menerima pek sumbangan yang disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri melalui sesi ziarah berkonvoi tersebut.

## Kerjasama erat kunci kemajuan negeri

**PENANTI** - Semua agensi kerajaan dan pemimpin setempat diseru agar turun padang secara konsisten untuk mendengar keperluan petani serta memastikan setiap bantuan disampaikan dengan berkesan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat adalah kunci kemajuan negeri.

"Kepada Exco baharu yang tidak asing dengan sektor agroteknologi, iaitu Dato' Rashidi Zinol, saya berharap usaha akan digandakan untuk memastikan sektor pertanian diberikan perhatian sewajarnya supaya pengusaha dapat meningkatkan pendapatan masing-masing," jelas beliau pada Majlis Berbuka Puasa Rakyat Bersama Warga Petani, Pesawah dan Sektor Pertanian Lokal di sini pada 9 Mac lalu.

Kon Yeow turut mengumumkan sumbangan sebanyak RM30,000 seperti dimohon oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pelet.

Hadir sama, Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Rashidi; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali; ADUN Berapit, Heng Lee Lee; Ahli Dewan Negara, Amir Md. Ghazali; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Dato' Kamarul Haizal Koderat; dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Mohd. Muhaimin Ibrahim.

Turut serta Pegawai Penyelaras KADUN Permatang Pasir, Muhammad Hamdi Md. Noor; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Kampung Pelet, Mohd. Fauzi Hussin; serta barisan pemimpin masyarakat.

Berucap lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memahami cabaran yang dihadapi petani, khususnya berkaitan ketidakstabilan cuaca dan peningkatan kos input pertanian.

Sehubungan itu, beliau selaku Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memaklumkan bahawa melalui Belanjawan 2025/2026, sejumlah RM13.5 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian Negeri bagi memperkasa kebajikan lebih 14,000 warga tani melalui bantuan teknikal, subsidi input serta penambahbaikan infrastruktur pengairan.

Selain itu, pentadbirannya turut memperkenalkan beberapa inisiatif bagi memperkukuh sektor pertanian serta industri makanan tempatan, termasuk pemberian insentif kepada pengusaha makanan sediaan di rumah dengan nilai permohonan keseluruhan sebanyak RM1 juta.

Tambah Kon Yeow, sejumlah RM500,000 turut diperuntukkan untuk pelaksanaan Program Mekanisasi dan Automasi Pertanian.

"Walaupun Pulau Pinang berdepan kekangan keluasan tanah, negeri ini kekal antara pengeluar hasil padi yang konsisten di Malaysia dengan purata hasil sekitar 4.86 tan metrik sehektar.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa kegigihan warga tani kita, digabungkan dengan sokongan teknikal agensi kerajaan, mampu menghasilkan kejayaan yang membanggakan," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

# Perkasa pendidikan Islam selaras APAI2030

**PENAGA -** Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) sebanyak RM300 kepada para penyelia, guru dan kakitangan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Sekolah Agama Rakyat (SAR), institusi tahfiz, pondok serta tadika Islam di Pulau Pinang merupakan tanda penghargaan terhadap peranan penting para pendidik dalam membimbing generasi muda dengan ilmu dan nilai murni.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Berbuka Puasa bersama anak yatim, pelajar, guru agama dan kariah di perkarangan Masjid Syeikh Adnan, Penaga, di sini pada 10 Mac 2026.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri bagi tahun 2026 telah memperuntukkan lebih RM25 juta untuk agenda pembangunan masjid dan surau, yang menyaksikan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

"Sehingga kini, Pulau Pinang mempunyai 258 masjid, termasuk tujuh masjid baharu yang telah siap dibina dan mula beroperasi sejak tahun lalu," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) turut menyalurkan sumbangan Ihya' Ramadan kepada masjid dan surau Jumaat, di samping menyediakan peruntukan khas bagi program pengimarahan masjid.

Tambah beliau, pentadbiran negeri juga terus memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan Islam. Sehingga kini, terdapat lebih 350 sekolah Islam serta 222 kelas KAFA di seluruh Pulau Pinang.

"Beberapa Sekolah Agama Rakyat (SAR) juga sedang dibangunkan, antaranya di Kampung Selamat, Taman Berjaya dan Bandar Baru Ayer Itam sebagai usaha memperkukuh pendidikan agama pada peringkat akar umbi.

"Kerajaan Negeri turut menyalurkan pelbagai bantuan kepada sekolah agama serta guru KAFA, termasuk bantuan kepada SAR, sumbangan elaun kepada lebih 1,600 guru KAFA serta bantuan kepada guru sekolah Islam di negeri ini.

"Melalui dana zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pula, pelbagai inisiatif kebajikan pendidikan dilaksanakan, antaranya Program Kembali ke Sekolah yang pada tahun ini memberi manfaat kepada lebih 23,000 pelajar asnaf di Pulau Pinang," ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa semua usaha tersebut digerakkan menerusi Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030) serta selari dengan Visi Penang2030.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi projek penaiktarafan struktur Masjid Syeikh Adnan, Penaga.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Syeikh Adnan, Penaga, Mohamad Ali yang berucap sebelum itu menzahirkan penghargaan kepada Pejabat Ketua Menteri atas penganjuran majlis berbuka puasa berkenaan.

Turut hadir, ADUN Penaga, Mohd. Yusni Md. Piah; Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri; serta Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga, Mohd. Naim Salleh.

## Kerangka PIFC, kertas putih dijangka siap suku ketiga

Gambar : **LAW SUUN TING**



**KETUA Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat sulung Jawatankuasa Khas Pasukan Petugas Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) di Komtar pada 6 April lalu. Turut serta, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long (duduk, kiri) dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Zairi Mat Ali (duduk, kanan).**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan hasrat menjadi hab kewangan antarabangsa apabila Kerajaan Negeri secara rasmi menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas bagi mempercepatkan penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, jawatankuasa berkenaan akan memacu penyediaan kertas putih dan pelan tindakan strategik untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF) menjelang suku ketiga tahun ini.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi, Tanah dan Komunikasi berkata bahawa beliau sendiri akan mempengerusikan jawatankuasa tersebut, manakala Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai Timbalan Pengerusi.

Selain itu, jawatankuasa itu turut dianggotai oleh Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, wakil Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Invest Penang Sdn. Bhd., Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), penasihat strategik serta wakil sektor swasta.

Menurutnya, jawatankuasa tersebut diurusetiakan bersama oleh Jabatan Kewangan Negeri dan *Penang Institute*.

"Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas PIFC bertanggungjawab menyelia pembangunan kertas putih serta pelan tindakan strategik yang akan disediakan untuk penyerahan rasmi kepada MOF menjelang suku ketiga tahun ini (2026).

"Langkah ini penting bagi mempercepatkan penubuhan ekosistem kewangan melalui rangka kerja yang lebih berstruktur," jelasnya dalam sidang media bersama Exco Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Goh Choon Aik di Komtar pada 19 Mac 2026.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa penubuhan PIFC bertujuan menjadikan Pulau Pinang sebagai hab tumpuan *(nexus)* bagi teknologi dan kewangan, khususnya dalam menyokong ekosistem industri semikonduktor.

Melalui PIFC, katanya, pelbagai perkhidmatan kewangan strategik akan diperkenalkan termasuk pembiayaan rantaian bekalan, inovasi fintech dalam kewangan Islam serta pembangunan infrastruktur kewangan digital bagi memperkukuh kedudukan ekonomi negeri di peringkat global.

Di samping itu, beliau berkata, PIFC dijangka memperkukuh lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai hab elektrik dan elektronik (E&E) utama melalui limpahan modal serta daya tarikan sebagai destinasi pelaburan berisiko rendah.

"Pembangunan PIFC dijangka mengambil masa sehingga 20 tahun untuk direalisasikan sepenuhnya, dengan dua fasa awal memberi tumpuan kepada penubuhan institusi (tahun pertama dan kedua) serta pembentukan ekosistem kawal selia (tahun kedua hingga kelima)," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa mesyuarat pertama Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas PIFC dijadualkan berlangsung pada 1 April ini.

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata penentuan lokasi sama ada di bahagian pulau atau tanah besar Seberang Perai masih belum dimuktamadkan dan bergantung kepada keputusan MOF.

"Pada peringkat ini, masih terlalu awal untuk memuktamadkan lokasi.

"Perkembangan geopolitik global, termasuk konflik di Timur Tengah yang menyaksikan pergerakan modal ke rantau Asia Tenggara, ketika ini memberi kelebihan kepada Singapura dan Hong Kong sebagai destinasi pelaburan berisiko rendah," katanya.

Beliau berharap PIFC kelak mampu meletakkan Pulau Pinang sebagai antara destinasi pelaburan berisiko rendah terbaik di rantau ini.

Terdahulu, pada Mac tahun lalu, Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang telah menyerahkan Surat Niat kepada MOF berhubung cadangan penubuhan pusat kewangan antarabangsa tersebut.

MOF kemudiannya memberikan maklum balas neutral pada Julai 2025 dengan menyatakan bahawa tiada dasar sedia ada untuk mewujudkan pusat kewangan antarabangsa baharu.

Namun, pada 2 Mac 2026, Kerajaan Persekutuan memberikan respons yang lebih positif di Dewan Rakyat bagi menjawab pertanyaan Kon Yeow selaku Ahli Parlimen Batu Kawan.

Menurut beliau, perkara itu menuntut hala tuju serta kerangka dasar yang jelas pada peringkat negeri agar selari dengan ekosistem kewangan sedia ada dan perancangan jangka panjang kerajaan.

Kerajaan Negeri juga diminta menjalankan kajian menyeluruh serta mengadakan sesi libat urus secara holistik bersama pemegang taruh utama termasuk MOF, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Bank Negara Malaysia (BNM) serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Difahamkan, susulan penyerahan Surat Niat tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah awal dengan mengadakan sesi libat urus rasmi bersama pihak berkuasa kawal selia utama termasuk BNM, SC dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA).

# iTEKAD perkasa usahawan mikro ke pasaran global

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NURATIKAH RAHMAT**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkesempatan meninjau sendiri operasi Dapur Sentral iTEKAD Daerah Timur Laut yang terletak di tingkat satu, kompleks Penang Times Square, Jalan Datuk Keramat di sini.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi ingin melihat secara dekat penglibatan 40 usahawan terpilih yang kebanyakannya memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dari rumah *(home-based)* sebelum direkrut menyertai Projek Dapur Sentral iTEKAD.

Ketua Pegawai Operasi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Hasri A. Hasan; Pegawai Daerah Timur Laut, Ismasuhaimi Shariff; Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM), Dr. Syaharudin Shah Mohd Noor; Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Abdul Mohsein Mohd Shariff; Ketua Shariah Hong Leong Islamic Bank, Dr. Muhammad Issyam Itam @ Ismail serta Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM) Pulau Pinang, K. Panimoli turut menyertai lawatan tersebut.

Dalam sesi taklimat selepas lawatan, Ketua Wilayah Pejabat Negeri Perak & Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCER), Fauzan Hanis menjelaskan bahawa iTEKAD merupakan program bantuan strategik yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi membantu usahawan mikro, khususnya golongan berpendapatan rendah (B40) dan asnaf, membina perniagaan yang lebih mampan serta berdaya tahan.

Menurut beliau, Program Dapur Sentral iTEKAD Daerah Timur Laut direka khusus untuk membantu usahawan mikro dalam sektor makanan dan minuman (F&B), terutamanya daripada kumpulan B40.

"Inisiatif ini bukan sekadar menyediakan ruang memasak, malah merangkumi ekosistem lengkap termasuk bimbingan teknikal daripada pakar industri serta latihan praktikal pembuatan makanan.



**KETUA Menteri menyantuni salah seorang usahawan tempatan ketika sesi lawatan ke Dapur Sentral iTEKAD Daerah Timur Laut di sini pada 14 Mac lalu.**

"Sumber dana adalah daripada iTEKAD Hong Leong Islamic Bank; NCER bertindak sebagai peneraju dan pelaksana program, manakala firma *H Two Diamond Enterprise* merupakan rakan pelaksana.

"Sebelum Program Dapur Sentral iTEKAD Daerah Timur Laut ini dimulakan pada tahun lepas, pihak kami telah mendapat kerjasama daripada Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Bahagian Pengurusan Halal di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) serta *Penang Halal International*.

"Kami berharap selepas tempoh 18 bulan, kesemua 40 usahawan terpilih sekurang-kurangnya memiliki satu produk komersial berjenama sendiri serta memperoleh pensijilan halal yang diperlukan," jelasnya.

Dalam pada itu, Fauzan turut merakamkan penghargaan kepada Wakaf MAINPP atas komitmen untuk mengambil alih operasi pelaksanaan program tersebut selepas tamat tempoh projek perintis.

Manfaat program kepada peserta:

- Bimbingan teknikal daripada pakar industri
- Latihan asas dan praktikal pembuatan makanan
- Peluang menghasilkan produk berjenama sendiri di Dapur Sentral
- Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)
- Pensijilan Halal produk
- Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

## Ketokohan Shaik Ibrahim diabadi

**TANJONG BUNGA** – Sebahagian Jalan Tanjong Tokong Lama sepanjang 124 meter ditukar nama kepada Jalan Shaik Ibrahim bagi mengiktiraf dan mengenang jasa serta sumbangan Shaik Ibrahim di negeri Pulau Pinang khususnya kepada penduduk di kawasan Tanjong Tokong.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata, permohonan pertukaran nama jalan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Nama Geografi Negeri (JNNG) Bil. 1/2025 yang dipengerusikan oleh beliau sendiri pada 4 Disember 2025.

"Seterusnya, cadangan ini telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 25 Februari 2026 dan disahkan pada hari yang sama, juga telah meluluskan cadangan pertukaran nama sebahagian Jalan Tanjong Tokong Lama ke Jalan Shaik Ibrahim berposkod 10470 Pulau Pinang.

"Beliau (Shaik Ibrahim) adalah bekas Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) yang keempat, yang telah berkhidmat selama tempoh lima tahun bermula dari tahun 1930 sehingga 1934," ujarnya pada Majlis Sidang Media Bagi Penamaan Jalan Shaik Ibrahim Tanjung Tokong di sini pada 17 Mac lalu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Syerleena Abdul Rashid; Setiausaha Bahagian bagi Bahagian Kerajaan Tempatan, Muhamad Husni Mahmud; Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Azman Sirun dan Presiden PEMENANG, Tan Sri Dr. Mohd. Yussof Latiff.

Tambah Zairil, berdasarkan sumber maklumat daripada penduduk setempat, Jalan Shaik Ibrahim sebelum ini pernah digunakan sebagai kawasan tapak pasar pagi, pasar malam dan Madrasah At-Taqwa sekitar tahun 1925.

"Hal ini membuktikan bahawa sebutan Jalan Shaik Ibrahim ini telah wujud sejak dahulu lagi.

"Tetapi, jalan ini didaftarkan dalam data nama jalan ke Jalan Tanjong Tokong Lama semasa pembangunan Pangsapuri Warisan Tanjong pada tahun 2014.

"Berdasarkan semakan oleh MBPP, nama Jalan Shaik Ibrahim tidak wujud di dalam rekod nama jalan jabatan.

"Sehubungan itu, untuk mengelakkan kekeliruan penduduk, Jalan Shaik Ibrahim dikembalikan semula dan didaftarkan secara sah di dalam rekod jabatan sebagai nama jalan yang telah diluluskan," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga.

Difahamkan Shaik Ibrahim ialah seorang dermawan yang banyak membantu masyarakat setempat.

Dalam pada itu, Mohd. Yussof memberitahu bahawa Shaik Ibrahim juga merupakan editor pengarang akhbar tempatan dan pernah mendapat pengiktiran *Justice of Peace* (Jaksa Pendamai, JP) daripada Kerajaan British dan Kerajaan Jepun pada era tahun 1940-an.



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) bersama-sama Syerleena Abdul Rashid (tiga dari kiri) dan kenamaan lain bergambar di lokasi penamaan semula jalan di sini.**

# PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

## DRAF AKHIR RANCANGAN TEMPATAN

RTPSI 2050

BULETIN MUTIARA

## KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN *PENANG SILICON ISLAND* (RTPSI) 2050

### *Tarikh Publisiti & Penyertaan Awam:* 30 MAC 2026 HINGGA 8 MEI 2026

Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* (RTPSI) 2050 dilaksanakan bagi **memaklumkan kepada orang awam dan pihak berkepentingan mengenai hala tuju pembangunan, cadangan guna tanah dan kawalan perancangan bagi pembangunan Bandar Pulau Silikon *(Silicon Island)* sehingga tahun 2050** selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Draf RTPSI 2050 bertujuan merealisasikan Visi Penang 2030 melalui perancangan yang menerapkan amalan reka bentuk bandar terbaik merujuk kepada **Prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial, Tadbir Urus (ESG), Pisah Ragam (*Modal Shift*) 70:30, pembangunan yang menerapkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Pembangunan Bandar Rendah Karbon.**

### Revolusi Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* (RTPSI) 2050

- ***RT** pertama bagi kawasan "greenfield" di Pulau Pinang dan Malaysia.*
- ***RT** pertama pembangunan tebus guna di Malaysia*
- ***RT** pertama mengintegrasikan sistem pangkalan data berasaskan GeoBIM.*
- ***RT** pertama yang mengadaptasi revolusi pemodenan format RT :*
  - *Lebih Fleksibel*
  - *Adaptif*
  - *Mesra Pelabur*
  - *Mesra Pengguna*
  - *Berdaya Laksana*
  - *'Business & Sales Plan Friendly'*
- ***RT** pertama dengan tempoh jangka masa perancangan sehingga penghunian.* (25 TAHUN)

### Bentuk dan Kandungan RTPSI 2050

**JILID 1**

**PENYATAAN BERTULIS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN**
*(DIWARTAKAN DIBAWAH SEK 15, AKTA 172)*
- Strategi Pembangunan
- Pelan Tindakan
- Langkah

**JILID 2**

**PETA CADANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN**
*(DIWARTAKAN DI BAWAH SEK 15, AKTA 172)*
- Rangka Perancangan Guna Tanah
- Parameter Kawalan Perancangan

**JILID 3**

**GARIS PANDUAN DAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**
- Garis Panduan Umum
- Garis Panduan Khusus
- Rumusan Agensi Berkepentingan

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA PULAU PINANG

**NOTIS PEMBERITAHUAN**

**DI BAWAH SUBSEKSYEN 13(2)**
**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 *[AKTA 172]***

**PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM**
**DRAF AKHIR**

**RANCANGAN TEMPATAN *PENANG SILICON ISLAND* 2050 (RT PSI 2050)**

Salinan Draf Akhir Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* 2050 (RT PSI 2050) akan disediakan untuk semakan awam mulai **30 Mac 2026 hingga 8 Mei 2026** di lokasi berikut:

| TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 30 Mac 2026 (Isnin) hingga 8 Mei 2026 (Jumaat)<br>(Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum) | 9.00 pagi hingga 4.00 petang | Ruang Legar Tingkat 57<br>Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang<br>(PLANMalaysia Pulau Pinang)<br>KOMTAR<br>10000 George Town<br>Pulau Pinang |
| | | Ruang Legar, Aras 3<br>KONKOS KOMTAR<br>10000 George Town<br>Pulau Pinang |

Semua orang awam dijemput untuk menyemak Draf Akhir Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* 2050 (RT PSI 2050). Sebarang maklum balas, bantahan dan representasi boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Bantahan Awam (secara manual atau dalam talian) yang disediakan atau melalui memorandum atau surat rasmi **sebelum 8 Mei 2026** kepada alamat berikut:

**PENGARAH**
**Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang**
**(PLANMalaysia Pulau Pinang)**
**Tingkat 57, KOMTAR**
**10000 George Town**
**Pulau Pinang**
**04-6505270 / 04-65055560**

### Info Ringkas RTPSI 2050

| Jumlah kawasan pembangunan | Jumlah keluasan kawasan perairan | Jumlah keseluruhan kawasan kajian |
|---|---|---|
| **2,300 EKAR** (930.78 ha) | **1,638 EKAR** (662.87 ha) | **3,938 EKAR** (1,593.65 ha) |

Unjuran Penduduk sehingga tahun 2050: **105,428**

Sempadan kawasan kajian telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. Warta 2237 pada 4 September 2025 sebagai **BANDAR PULAU SILIKON**

RTPSI 2050 merangkumi 4 peringkat kawalan:
- 01 Perancangan
- 02 Reka Bentuk
- 03 Pembinaan
- 04 Pemantauan & Operasi

### Info Ringkas Cadangan Pembangunan PSI

- **16.77 %** (385.80 ekar) Jumlah keluasan tanah yang diwartakan sebagai kawasan hijau
- **100 %** Dikuasakan oleh tenaga boleh diperbaharui untuk *Green Tech Park (GTP)*
- **70 : 30** Pisah ragam pengangkutan awam dan kenderaan persendirian
- **110 KM** Rangkaian laluan berbasikal dan pejalan kaki
- **45 %** Pengurangan pelepasan karbon *(5 Diamond MGTC LCC2030C Accreditation)*
- **34 %** Pengurangan penggunaan air
- **63.5 %** Pengurangan sisa di tapak pelupusan

### Rangka Keseluruhan Hala Tuju dan Strategi Utama Pembangunan PSI

**VISI PENANG 2030**
**"Negeri Pintar & Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara."**

1. Ekonomi yang Dinamik
2. Kemampanan dan Kesejahteraan
3. Pembangunan yang Inklusif

**VISI PSI 2050 : "Ke Arah Pembangunan Pintar dan Mampan Yang Berdaya Tahan"**

1. Ekologi *(Ecology)*
2. Mobiliti *(Mobility)*
3. Komuniti *(Community)*
4. Daya tahan *(Resiliency)*
5. Mampan *(Sustainability)*

| TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 | TERAS 4 | TERAS 5 | TERAS 6 |
|---|---|---|---|---|---|
| Ekonomi Pintar *(Smart Economy)* | Persekitaran Pintar *(Smart Environment)* | Kehidupan Pintar *(Smart Living)* | Komuniti Pintar *(Smart Community)* | Infrastruktur & Mobiliti Pintar *(Smart Infrastructure and Mobility)* | Pentadbiran Pintar *(Smart Governance)* |

**TERAS 1**

**S1 :** Revolusi Industri 4.0 disokong dengan memberi fokus kepada sektor Elektrik & Elektronik (E&E) melalui pembangunan *Green Tech Park.*

**S2 :** *The Heart of the Island (HOTI)* sebagai destinasi ikonik baharu yang beridentitikan Pulau Pinang.

**S3 :** Memperkenalkan sektor pelancongan sebagai salah satu pemangkin utama aktiviti komersial dalam pembangunan PSI.

**S4 :** Penyediaan Tanah bagi Pusat Pentadbiran Negeri (SAC) sebagai pusat pentadbiran pintar bagi Pulau Pinang.

**S5 :** Pengawalseliaan paparan iklan komersial secara digital dalam pembangunan PSI

**TERAS 2**

**S1 :** Menyediakan Pelan Kesediaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan KSAS.

**S2 :** Pengurusan dan pemeliharaan sumber marin di sekitar pembangunan PSI.

**S3 :** Mengintegrasikan pelan pengurusan daya tahan dan pemeliharaan kawasan hakisan pantai, kenaikan aras laut dan kawalan banjir.

**TERAS 3**

**S1 :** Pengurusan guna tanah secara cekap dalam pembangunannya

**S2 :** Pelaksanaan elemen kawalan reka bentuk bandar yang berdaya huni ke arah Bandar Pintar

**S3 :** Penerapan elemen biodiversiti dalam pembangunan

**S4 :** Pengurusan aktiviti kawasan perairan pembangunan PSI

**S5 :** Pembangunan guna tanah fleksibel melalui pertimbangan semula plot pembangunan yang tidak terjual oleh kerajaan negeri.

**S6 :** Pembangunan perkampungan sekitar perlu seiring dengan pembangunan PSI

**TERAS 4**

**S1 :** Penyediaan kemudahan masyarakat yang berkualiti dan pintar bagi memenuhi keperluan penduduk dan menjamin kesejahteraan sosial komuniti.

**S2 :** Penyediaan perumahan yang mencukupi bagi semua lapisan masyarakat bagi persekitaran yang berdaya huni.

**S3 :** Penyediaan fasiliti penginapan pekerja yang kondusif bagi menarik tenaga kerja mahir

**TERAS 5**

**S1 :** Pelaksanaan *No-Dig Policy* & Koridor Utiliti Khusus dalam pembangunan infrastruktur secara teratur dan sistematik.

**S2 :** Penyediaan bekalan elektrik yang mencukupi dan pintar

**S3 :** Penyediaan dan pengurusan bekalan air yang mencukupi dan mapan.

**S4 :** Penyediaan infrastruktur pembentungan yang inovatif dan memenuhi keperluan penduduk setara.

**S5 :** Penyediaan sistem saliran dan perparitan dilaksanakan secara bersepadu dengan menggunakan konsep infrastruktur mesra alam

**S6 :** Peningkatan Infrastruktur Komunikasi & ICT yang mengutamakan sistem teknologi pintar.

**S7 :** Penyediaan infrastruktur pengurusan sisa yang lebih cekap dan mesra alam

**S8 :** Perancangan sistem pengangkutan yang cekap dan mobiliti bandar yang pintar

**TERAS 6**

**S1 :** Penyelarasan struktur perancangan dan tadbir urus pembangunan PSI secara sistematik.

**S2 :** Penubuhan Unit Pengurusan Bandar (CMU) bagi urus tadbir yang lebih efisien, bersepadu dan pintar.

**S3:** Pelaksanaan prosedur kelulusan pelan pemajuan yang lebih efisien dan pintar melalui tatacara *Silicon Island Green Lane (SIGL)*

**S4 :** Pembangunan City Command Centre (CCC) sebagai pusat pangkalan data bersepadu PSI

**S5 :** Pematuhan keperluan polisi, strategi pembangunan, kawalan pembangunan dan garis panduan yang ditetapkan di dalam RTPSI 2050

**S6 :** Pengurusan kemudahan masyarakat yang pintar bagi menjamin kesejahteraan sosial komuniti

**S7 :** Pemantauan Pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial / Social Impact Management Plan (SIMP) yang menyeluruh bagi pembangunan PSI

**S8 :** Pelaksanaan Pelan Tindakan *Low Carbon City Framework (LCCF)* yang selaras dengan prinsip ESG

**S9 :** Pelaksanaan Pelan Digital GeoBIM

**S10 :** Penyelarasan pengurusan antara agensi disyorkan untuk penyenggaraan menyeluruh dan cekap

**S11 :** Penjenamaan *Silicon Island* perlu selari dengan peranan dan fungsinya sebagai destinasi yang tersendiri dan terkemuka bagi mencapai potensi penuh *Penang Silicon Island (PSI)* sebagai sebuah destinasi bertaraf dunia

# LRT Laluan Mutiara bakal jadi '*game changer*'

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**




**ILUSTRASI artis menunjukkan kedudukan terminal pengangkutan bersepadu di Butterworth yang akan menambah baik jaringan mobiliti di negeri ini.**

**GEORGE TOWN** – Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara bakal menjadi pencetus perubahan utama *(game changer)* kepada sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang apabila perjalanan dari Penang Sentral ke Komtar dijangka hanya mengambil masa lapan minit.

Pengarah Projek LRT Laluan Mutiara, Azmi Abd. Rahman berkata, sambungan rentas laut itu menawarkan tempoh perjalanan yang lebih singkat dan konsisten kepada pengguna.

Menurut beliau, kerja-kerja awal di lapangan bagi jajaran Penang Sentral ke Komtar sebenarnya telah bermula sejak Julai tahun lepas.

"Pada masa ini, kerja-kerja melibatkan pemindahan utiliti, penebangan pokok serta pelebaran jalan sedang giat dilaksanakan.

"Kerja pembinaan utama seperti penanaman cerucuk pula dijangka bermula pada suku kedua tahun ini," katanya kepada Buletin Mutiara ketika dihubungi baru-baru ini.

Tambah Azmi, sebuah jambatan marin sepanjang 6 kilometer (km) akan dibina bagi menghubungkan stesen Penang Sentral dan Macallum, dengan ketinggian 62 meter (m) dari paras laut.

Reka bentuk tersebut, menurut beliau, adalah bagi memastikan operasi feri dan kapal di Pelabuhan Pulau Pinang tidak terganggu.

Difahamkan, operasi LRT Laluan Mutiara disasarkan bermula pada Disember 2031, dengan Penang Sentral berperanan sebagai hab utama dan pintu masuk yang menghubungkan LRT, Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) Keretapi Tanah Melayu (KTM), feri serta bas pengantara.

Perbadanan Transit Aliran Massa Sdn. Bhd. (MRT Corp.) selaku pemaju dan pemilik projek menyatakan komitmen untuk menyediakan 1,000 petak parkir bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam moden tersebut.

MRT Corp. turut menyasarkan 37,000 penumpang harian pada peringkat awal operasi pada tahun 2031, dengan unjuran meningkat kepada 232,000 penumpang menjelang tahun 2061.

Mengulas lanjut, Azmi memaklumkan bahawa Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi jajaran Macallum–Penang Sentral kini sedang dipamerkan untuk pemeriksaan awam sehingga 7 April 2026.

Sehubungan itu, beliau berkata orang ramai boleh menyemak laporan tersebut di lapan lokasi terpilih, termasuk pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri di George Town serta pejabat Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) Wilayah Utara di Butterworth.

"Projek ini bukan sahaja meningkatkan mobiliti pekerja, malah memendekkan masa perjalanan ke destinasi utama.

"Contohnya, perjalanan ke Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas hanya mengambil masa sekitar 40 minit, manakala ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) kira-kira 45 minit," ujarnya.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa kedudukan strategik stesen LRT turut membuka peluang kepada penyambungan laluan pada masa hadapan ke kawasan lain seperti Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Simpang Ampat, malah berpotensi menghubungkan negeri jiran seperti Kedah dan Perak.

Sebagai rekod, projek LRT Laluan Mutiara dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dengan siling peruntukan sebanyak RM16.8 bilion.

## Sokongan padu bina ekosistem anak muda inklusif



**DANIEL Gooi Zi Sen (tengah) bersama-sama Goh Choon Aik (empat dari kanan) dan jemputan kehormat lain sempat bergambar bersama usai Program Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TAMBUN** – Kerjasama strategik antara kerajaan, institusi masyarakat dan pertubuhan belia menjadi kunci utama dalam memastikan generasi muda di Pulau Pinang terus relevan sebagai pemacu agenda pembangunan negeri yang mampan.

Seruan tersebut disuarakan oleh Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen ketika merasmikan Program Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung di Masjid Ar-Rayyan, Bandar Cassia pada 17 Mac 2026.

Menurut Zi Sen, sokongan padu daripada semua pihak terhadap agensi pembangunan belia amat penting dalam membina ekosistem anak muda yang inklusif dan berdaya saing.

"Kerjasama yang erat ini penting bagi memastikan generasi muda sentiasa berada pada landasan yang betul serta mampu menyumbang secara menyeluruh kepada pembangunan negeri," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Dalam majlis sama, Pengerusi Masjid Ar-Rayyan, Rosli Othman menyatakan kesediaan pihak masjid untuk menjadi 'rumah kedua' kepada golongan belia.

Beliau turut mengalu-alukan penglibatan belia tempatan untuk mengimarahkan masjid, bukan sahaja melalui aktiviti keagamaan, malah merangkumi pelbagai program pemerkasaan komuniti yang lebih inklusif.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran lebih 500 penuntut daripada pelbagai institusi pengajian tempatan.

Hadir sama, Exco Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Goh Choon Aik yang juga ADUN Bukit Tambun; Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Muhamad Hafizi Ahmad Zaini; Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) negeri, Ashrab Jan; Pengurus Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Edry Faizal Yusof serta Presiden Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, Tan Chor Lim.

SELANGOR 2026
SUKMA XXII

# Sasar genggam 60 emas




**HARRY Chai Heng Hua menunjukkan Laporan MMK Sukan berhubung sasaran pingat emas pada temasya SUKMA Selangor kelak.**

**BAHANG** Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 kian terasa, meskipun masih berbaki 142 hari sebelum temasya sukan dwi-tahunan terbesar di Malaysia itu berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos nanti.

Sebanyak 27 jenis sukan dengan 474 acara keseluruhan bakal dipertanding pada edisi ke-22 (XXII) ini, yang akan diadakan di 53 lokasi di sembilan daerah di Selangor. Selangor sebagai tuan rumah bakal menjadi medan saingan bagi 15 kontinjen termasuk Brunei Darussalam.

Pada 25 Mac 2026 lepas, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** berkesempatan menemu bual Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), **HARRY CHAI HENG HUA** di kompleks pejabatnya dekat Jalan Sultan Azlan Shah, Kampung Gelugor.

## Sasar 60 pingat emas

Heng Hua menyatakan bahawa kontinjen negeri Pulau Pinang menyasarkan 60 pingat emas pada SUKMA 2026, berdasarkan rekod pencapaian yang diraih dalam temasya sukan sama dua tahun lepas di Sarawak.

"SUKMA 2024 di negeri Sarawak, kita (kontinjen Pulau Pinang) telah melepasi sasaran 40 pingat emas, yang mana kita mencapai kemenangan 41 pingat emas secara keseluruhannya, 45 pingat perak (45) serta pingat gangsa (43).

"Dalam majlis penyerahan Insentif Kemenangan Sukan (SKIMAS), Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah memberi cabaran baru iaitu 40 pingat perak yang dimenangi itu, separuh daripadanya dapat ditukar menjadi kepada pingat emas.

"Ini memberi isyarat kepada kita (MSNPP) bahawa perlu tambah 20 lagi pingat emas mesti diraih, menjadi sasaran 60 pingat emas mesti dirangkul pada SUKMA 2026 nanti," jelasnya.

Heng Hua menambah bahawa sasaran itu realistik kerana kontinjen negeri mempunyai rekod, pengalaman, barisan jurulatih berpengalaman kontinjen negeri menyertai tiga siri SUKMA sebelum ini.

Di samping itu, menurut beliau, MSNPP menyedari bahawa kontinjen negeri mempunyai barisan jurulatih berpengalaman dalam kalangan bekas atlet negeri serta sokongan padu daripada persatuan-persatuan sukan yang terbabit dalam membuat persiapan bagi memburu kejuaraan dalam kejohanan sukan sama ada pada peringkat negeri mahupun kebangsaan.

"Kita memasuki saingan SUKMA 2026 dengan menetapkan *'Eyes on Gold'* sebagai tema kontinjen Pulau Pinang, yang mana membawa maksud mata kita memang fokus nak memburu pingat emas.

"Bagi memburu kedudukan sekurang-kurangnya enam atau tujuh dalam carta saingan, sebenarnya sejak SUKMA 2024 lagi MSNPP kerap mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan sukan negeri yang terlibat, serta barisan jurulatih yang memantau tahap perkembangan atlet-atlet negeri.

"Sehingga kini, kita (MSNPP) telah mengadakan lima kali mesyuarat Jawatankuasa Prestasi Tinggi Pulau Pinang (JPTPP), yang mana pada setiap kali mesyuarat bukan sahaja membincangkan mengenai prestasi semasa atlet kita, malah turut memperhalus kedudukan kita (Pulau Pinang) untuk memperbaiki kedudukan berbanding kontinjen negeri lain," ujarnya.

## Acara sukan berindividu

Melihat prestasi atlet negeri dari semasa ke semasa, Heng Hua menyatakan bahawa MSNPP seakan ada kecenderungan untuk memberi tumpuan yang lebih pada acara sukan berindividu berbanding jenis sukan berpasukan bagi mencapai sasaran 60 pingat emas pada SUKMA 2026 nanti.

"Kita (MSNPP) memberi fokus kepada sukan-sukan seperti gimnastik, menembak, karate, taekwondo, muay thai dan beberapa sukan jenis individu lagi.

"Jadi, untuk beberapa sukan jenis berpasukan, misalnya, bola sepak lelaki dan wanita; futsal lelaki dan wanita; bola keranjang lelaki dan wanita; bola tampar lelaki dan wanita; ragbi serta bola lisut, kita (MSNPP) mengharapkan bahawa mereka dapat sekurang-kurangnya melepasi peringkat suku akhir atau sekurang-kurangnya membawa pulang pingat gangsa.

"Kalau tak boleh pun (untuk acara sukan jenis berpasukan yang MSNPP hantar atlet), janganlah tewas pada peringkat pertama," ulasnya lanjut.

Dalam SUKMA 2026, difahamkan, akan menyaksikan 30 sukan teras termasuk sukan utama seperti olahraga, akuatik, bola sepak, hoki, badminton dan lain-lain.

Sukan tambahan pula, ada tujuh sahaja iaitu catur, e-sukan, kriket dan kabaddi, yang mana menjadikan jumlah keseluruhan sukan yang dipertandingkan sebanyak 37 jenis sukan.

Heng Hua menambah bahawa setakat ini, MSNPP menghantar penyertaan penuh untuk 37 sukan teras, serta beberapa sukan tambahan seperti catur dan e-sukan.

"Jadi, kita (MSNPP) hantar atlet sebab nak menang, kalau kita mendapati prestasi semasa mana-mana atlet dalam sesi latihan atau kejohanan lokal tidak capai piawaian, mereka akan digugurkan.

"Sebanyak 30 sukan teras, setakat ini penyertaan penuh (yang mana) telah kita (MSNPP) tetapkan, tiap-tiap jenis sukan sekarang-kurangnya menyumbang satu pingat emas.

"Dan, kalau secara atas kertas, setiap jenis sukan boleh menyumbang dua pingat emas, maksudnya misi bersama untuk merangkul sekurang-kurangnya 60 pingat emas dalam SUKMA 2026 dicapai," katanya.

## Cabaran

Walaupun MSNPP dengan kerjasama erat daripada pasukan jurulatih bertauliah serta persatuan-persatuan sukan yang terlibat memberi tumpuan pada meningkatkan prestasi atlet, Heng Hua berkata bahawa kontinjen negeri masih mempunyai kekangan serta cabaran.

